

KEPERLUAN PEMBANGUNAN DAN KEMAMPUAN MODEL PEDAGOGI TERBEZA (MPTQR) DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

*Zurina Mustaffa¹, Zaharah Hussin², Abdul Muhsien Sulaiman², Abdul Hadi Sulaiman¹, Zuraini Yaakub¹ & Aisah Hasmam¹

ABSTRACT

Various teaching approaches have been adopted by teachers nowadays. However, the circulation and current educational needs have encouraged today's teachers to diversify teaching methods to meet the needs of students. In fact, the need for methodological diversity is very necessary when students are in a mixed class and there is no longer class segregation into smart, average, and weak classes. As a result, the Malaysian Ministry of Education has developed a new teaching approach to meet the diversity of students, which is the Differentiated Pedagogy approach. Therefore, the researcher has taken the initiative by developing a Differentiated Pedagogy Model (MPTQr) to be used by Islamic Education teachers as a guide in teaching and learning. The purpose of this study is to determine the level of development needed for the Differentiated Pedagogy Model (MPTQr) among Islamic Education teachers and to see its applicability among teachers. The researcher used a quantitative method involving a set of inventory questionnaires given to 361 teachers in the Southern Zone of Malaysia. This questionnaire has been modified and obtained a validity and reliability value with a Cronbach alpha value of 0.90. The researcher also used a qualitative method involving semi-structured interviews with five Islamic Education teachers. The interview protocol used has also been validated by four language, content, and methodology experts. The findings of the study show that there is a high need for the development of a Differentiated Pedagogy Model (MPTQr) and the interview findings from five teachers also show that this Pedagogy Model can be used in teaching and learning in the classroom. The implications of the study show that a Differentiated Pedagogy Model (MPTQr) needs to be developed, and the results of using this model show that teachers can help smart, average, and weak students learn together in the classroom. Accordingly, this study is very beneficial to the Malaysian Ministry of Education, the State Department of Education, and the District Education Office. In addition, this model also has a great impact on stakeholders such as Lecturers at Teacher Education Institutes, Principals, Headmasters, facilitators, teachers, and students because it can be used as a guideline in the implementation of Differentiated Pedagogy.

Keywords: *Needs, Development, Usability, Differentiated Pedagogical Model*

[1]
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral,
Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar
zurina.mustaffa@ipgm.edu.my

[2]
Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya

PENGENALAN

Pedagogi Terbeza merupakan satu pendekatan pengajaran yang terkini. Pendekatan pengajaran ini telah diguna pakai dalam pembelajaran abad ke 21. Selaras dengan peruntukan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tahun 2013-2025, pelan tersebut telah menyebut bahawa pendekatan pengajaran menggunakan Pedagogi Terbeza sangat digalakkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Pendekatan pengajaran ini menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan murid. Guru mempelbagaikan metodologi pengajaran bagi memenuhi semua aspek keperluan murid sama ada keperluan dari aspek keupayaan, kemampuan, pencapaian dan kecenderungan kecerdasan murid (Khuzaimah Zaa'im et al., 2019; Norma Jusoh & Mohd Isa Hamzah, 2020). Berdasarkan keperluan kepada pendekatan pengajaran Pedagogi Terbeza, pengkaji telah membangunkan satu Model Pedagogi Terbeza yang diasaskan daripada dua teori dan dua model iaitu Asas Pemikiran Pengajaran Ibn Sahnun berdasarkan Kitab *Adab Al-Mua'llimin* dan Teori Kecerdasan Pelbagai. Selain daripada dua teori ini, pengkaji juga menggunakan model *Pedagogi Content Knowledge* dan *Model Differentiated Instruction*. Sehubungan dengan itu, Model Pedagogi Terbeza (MPTQr) ini mencakupi nilai Islam dan nilai Barat.

Penyataan Masalah

Terdapat pelbagai perubahan dasar yang telah berlaku pada masa kini bagi membolehkan pendidikan negara berada seiring dengan pendidikan global. Antara contoh perubahan yang berlaku adalah pemansuhan sistem peperiksaan formal seperti peperiksaan UPSR dan PT3 bermula pada tahun 2021 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Keadaan ini berlaku kerana Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah bijak denganewartakan penilaian murid bukan berpaksi kepada keputusan pencapaian akademik semata-mata bahkan penilaian murid perlu melibatkan penilaian yang holistik (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018).

Rentetan daripada pemansuhan peperiksaan formal, sistem pengasingan kelas juga telah dihapuskan. Semua murid yang mempunyai pelbagai aras pencapaian akademik berada dan belajar bersama-sama di bilik darjah yang sama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a). Kesan daripada situasi ini, timbul isu di mana guru tidak mempunyai kaedah atau teknik pengajaran yang boleh diaplikasikan kepada semua murid yang pelbagai aras tetapi mereka berada di bilik darjah yang sama (Azlin Norhaini Mansor et al., 2016). Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengorak langkah dengan memperkenalkan pendekatan pengajaran Pedagogi Terbeza melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

SOROTAN LITERATUR

Pedagogi Terbeza

Pedagogi Terbeza merupakan salah satu pendekatan pengajaran yang mudah lentur, bersifat luwes dan fleksibel serta komprehensif yang boleh digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kepelbagaian murid di bilik darjah (Abd. Khahar bin Saprani et al., 2018). Pendekatan ini sesuai dengan objektif Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memansuhkan sistem pengasingan kelas (*streaming kelas*) bermula pada tahun 2019 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a). KPM juga terus mengorak langkah dengan memansuhkan peperiksaan rasmi iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah dan PT3 pada tahun 2021 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Situasi ini mengundang kepada keperluan pendekatan pengajaran Pedagogi Terbeza di mana semua murid yang mempunyai pelbagai aras pencapaian, kemampuan, keupayaan dan pelbagai kecenderungan berada di dalam bilik darjah yang sama. Hal ini jelas dinyatakan di dalam kajian Fairuz Adlidna Badrol Hissam et al. (2017), dimana guru mengambil kira pendekatan pengajaran bagi pelajar pintar dan berbakat dari aspek keupayaan, kemampuan dan kecenderungan pembelajaran mereka.

Pendekatan pengajaran menggunakan Pedagogi Terbeza mempunyai empat elemen utama iaitu elemen Kandungan, Proses, Produk dan Persekitaran. Keempat-empat elemen ini memainkan peranan dan fungsi yang amat penting di mana guru boleh mengubah suai elemen-elemen tersebut mengikut kesesuaian pengajaran dan pembelajaran murid. Hal ini jelas dinyatakan dalam kajian Zurina Mustafa et al. (2021) yang menyatakan guru boleh mengubah suai kandungan iaitu isi pelajaran, proses yang merujuk kepada strategi, pendekatan, kaedah

dan teknik pengajaran, produk iaitu penilaian produk atau hasil pembelajaran yang ditunjukkan oleh murid serta persekitaran yang merujuk tempat pembelajaran murid sama ada di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.

Model Pedagogi Terbeza

Model Pedagogi Terbeza atau MPTQr adalah model yang dibangunkan hasil daripada inovasi Pedagogi Terbeza. Pengkaji membangunkan model ini dengan menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) yang mengambil masa 2 tahun. Model ini dibangunkan berdasarkan dua teori dan dua model. Teori yang terlibat adalah Asas Pemikiran Pengajaran oleh Imam Ibn sahnun melalui Kitab *Adab al-Mu'allimin* (Mohammad Syafiq Ismail, 2020). Pengkaji juga menggunakan teori Kecerdasan Pelbagai yang dipelopori oleh Howard Gardner (Gardner, 1993). Selain menggunakan dua teori yang melibatkan teori Islam dan Barat, pengkaji juga menggunakan dua model sebagai sandaran iaitu model *Pedagogy Content Knowledge* (Cox & Shulman, 1986) dan *Model Differentiated Instruction* (Hall, 2002).

Setelah melalui tiga fasa kajian iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolegunaan, model MPTQr telah berjaya dibangunkan dengan 4 elemen, 12 konstruk dan 73 item. Model ini telah diuji di dalam bilik darjah yang melibatkan 6 sesi pengajaran. Pengkaji memaparkan model MPTQr pada rajah 1 berikut.



Rajah 1: Model Pedagogi Terbeza (MPTQr)

MATLAMAT KAJIAN

Pengkaji membahagikan matlamat kajian kepada dua sub bahagian iaitu objektif kajian dan soalan kajian.

Objektif Kajian

Bagi melihat tahap keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza dan kebolegunaan model ini, pengkaji telah mengutarakan dua objektif kajian iaitu:

1. Mengetahui tahap keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia.
2. Mengetahui kebolegunaan Model Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia.

Soalan Kajian

Dua soalan yang diutarakan dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah tahap keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia
2. Apakah kebolegunaan Model Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah *mix method* iaitu melibatkan metodologi kuantitatif dan kualitatif. Bagi kaedah kuantitatif, pengkaji menggunakan kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini telah disahkan oleh pakar bahasa, pakar kandungan dan juga pakar metodologi. Soal selidik ini diadaptasi daripada beberapa soal selidik daripada kajian (Habibah@Artini Ramlie, 2017; Mengistie, 2020; Normazidah Mahmood, 2012). Soal selidik ini mengandungi 8 item yang mengukur tentang tahap keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia. Nilai Cronbach Alpha bagi soal selidik ialah 0.90 di mana nilai ini menunjukkan soal selidik ini sangat tekal dan sesuai digunakan (Nunnally & Bernstein, 1994). Soal selidik dan diedarkan kepada 361 orang guru Pendidikan Islam di Zon Selatan, Malaysia.

Selain daripada itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan temu bual separa struktur yang melibatkan 5 orang guru Pendidikan Islam di Zon Selatan, Malaysia. Protokol temu bual telah disahkan dari aspek kesahan kriteria dan kesahan kandungan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2018). Soalan-soalan dalam protokol telah disemak oleh empat orang pakar iaitu pakar bidang dan pakar metodologi.

DAPATAN KAJIAN

Dalam mengukur tahap keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza, pengkaji menggunakan interpretasi skor min daripada Wiersma (2000). Jadual Skor Min Wiersma adalah seperti berikut:

Jadual 1: Jadual Interpretasi Min

Skor min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Wiersma (2000)

Tahap keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia

Dapatan kajian menunjukkan tahap keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru di Malaysia adalah tinggi. Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian berkaitan tahap keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza.

Jadual 2: Tahap Keperluan Pembangunan Model Pedagogi Terbeza

No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP	Interpretasi
1	Model yang mengandungi elemen Pedagogi Terbeza dalam pengajaran tilawah al-Quran	1.1%	0%	37.7%	38.8%	22.4%	3.83	.785	Tinggi

	belum dibangun.								
2	Terdapat keperluan membangun Model Pedagogi Terbeza yang sesuai untuk pengajaran tilawah al-Quran.	0.3%	0%	16.9%	45.2%	37.7%	4.20	.730	Tinggi
3	Penerapan elemen Model Pedagogi Terbeza dalam tilawah al-Quran mampu mempengaruhi pengajaran guru.	0%	0%	15.2%	53.2%	31.6%	4.16	.665	Tinggi
4	Penerapan elemen Pedagogi Terbeza sangat berkesan dalam pengajaran murid yang berbeza kecerdasan.	0%	0%	17.2%	53.7%	29.1%	4.12	.671	Tinggi
5	Penerapan elemen Model Pedagogi Terbeza mampu mempengaruhi pengajaran guru dalam menyampaikan isi pelajaran dengan cara yang berbeza.	0%	0%	14.7%	53.7%	31.6%	4.17	.660	Tinggi
6	Elemen-elemen dalam Model Pedagogi Terbeza penting untuk diterapkan dalam pengajaran tilawah al-Quran.	0%	0%	14.1%	54.3%	31.6%	4.17	.654	Tinggi
7	Penggunaan Model Pedagogi Terbeza dalam pengajaran akan meningkatkan produktiviti guru.	0%	0%	15.8%	51.0%	33.2%	4.17	.679	Tinggi
8	Penggunaan Model Pedagogi Terbeza dalam pengajaran akan meningkatkan peluang murid untuk mendapatkan	0%	0%	15.0%	49.0%	36.0%	4.21	.683	Tinggi

pencapaian yang lebih baik.

Purata	4.12	.581	Tinggi
--------	------	------	--------

Jadual 2 menunjukkan tahap keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor min 4.12 dan sisihan piawai .581. Berdasarkan item-item yang terdapat di dalam soal selidik ini juga menunjukkan item no.2 iaitu “terdapat keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza yang sesuai dalam pengajaran tilawah al-Quran” juga berada pada nilai skor min yang tinggi iaitu 4.16 dengan sisihan piawai .665. Dapatan ini menunjukkan guru memerlukan satu model pengajaran yang berkaitan pedagogi terbeza untuk digunakan sebagai panduan dalam pengajaran.

Kebolegunaan Model Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam

Dapatan daripada temu bual bersama dengan lima orang guru Pendidikan Islam Zon Selatan, Malaysia telah menunjukkan bahawa Model Pedagogi Terbeza boleh digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Dapatan temu bual dengan peserta kajian pertama P1 menunjukkan Model Pedagogi terbeza (MPTQr) boleh digunakan kerana model ini sangat sesuai dengan tahap pembelajaran semua murid. Hal ini jelas dinyatakan dalam pernyataan P1 iaitu:

“Bagi saya la kan...saya rasa untuk tahap 2 boleh...untuk tahap 1 tahun 3 boleh...boleh jugak, tahun 3 dah pandai baca Quran, Iqra’ 6 kan mungkin boleh” (TB 1/P1, ms 4, b13-14)

Selain itu, Model Pedagogi Terbeza (MPTQr) juga dapat digunakan di dalam bilik darjah yang mengandungi semua murid yang pelbagai aras pencapaian, pelbagai aras kecenderungan dan pelbagai aras keupayaan serta kemampuan. Model ini berupaya meraikan kepelbagaian murid di bilik darjah. Hal ini jelas dinyatakan dalam temu bual bersama P2 seperti berikut:

“Emmm...kebolegunaan tu boleh...aahh..kita boleh gunakan dia...aahh..maksudnya saya rasa tidaklah menyukarkan dan tidak menyebabkan kita punya objektif tu terbantut ataupun tidak mencapai disebabkan penggunaan pedagogi ini...aahh...saya cuma kita sebenarnya meraikan...aahh... murid kita yang dari...mempunyai pelbagai latar belakang...saya kira bolehlah kita...dari segi kebolegunaan...bolehlah...tidak ada masalah” (TB 2/P2, ms 2, b 13-17)

Seterusnya hasil temu bual bersama dengan peserta kajian 3 (P3) nyata menunjukkan MPTQr juga berupaya memberi impak yang positif dalam kalangan murid-murid. Setelah guru Pendidikan Islam menggunakan model ini sebagai panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, ia telah memberi impak yang positif kepada murid-murid. Murid-murid terlibat aktif serta seronok dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Situasi ini selari dengan kata-kata P3 iaitu:

“Saya nampak..aahh...Model Pedagogi Terbeza ni terutama dalam tilawah al-Quran...dia memberikan satu impak yang positif...di mana biasa kalau kita mengajar tilawah...kita cuma baca sahaja...jadi murid ada sedikit kebosanan di situ...jadi bila kita guna Pedagogi Terbeza ni...emmm...ada pelbagai aktiviti, ada pelbagai cara pengajaran, jadi murid jadi seronok dan orang kata al-Quran tu tidak nampaklah membaca sahaja...dan dipandang sepi...jadi selepas ni bila kita...saya nak mengajar tu...saya rasa saya akan guna terus Pedagogi...” (TB 3/P3, ms 2, b 19-24)

Hasil temu bual dengan peserta kajian 4 (P4) dan peserta kajian 5 (P5) menunjukkan MPTQr boleh digunakan kerana ia bersifat menyeluruh kerana ia sesuai dengan semua bidang yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini diakui oleh P4 iaitu:

“Dalam pengajaran tilawah al-Quran...kita kan ada bahagian hafazan...bahagian tilawah...ada bahagian kefahaman kan...jadi...emmm...boleh...boleh...kita boleh gunakan Model Pedagogi Terbeza ni dalam pengajaran tilawah ni...mengikut kesesuaian lah...” (TB 4/P4, ms 2, b23- 25)

“Maksudnya boleh guna Model Pedagogi Terbeza bukan saja tilawah...Pendidikan Islam...Ulum pun kita boleh buat macam tu...mahnanya agak sesuai...bukan agak sesuai memang sesuai...boleh guna pakai...” (TB 5/P5,ms 3,b 10-13)

Kesimpulan dapatan kajian menunjukkan MPTQr berupaya digunakan sebagai panduan kepada guru Pendidikan Islam. Hal ini jelas peserta-peserta kajian mengakui bahawa MPTQr mampu digunakan kerana ia sesuai dengan semua tahap murid sama ada murid yang berada pada tahap 1 atau tahap 2. MPTQr juga mampu digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia meraikan semua kepelbagaian murid dan juga memberi impak yang positif di mana murid seronok belajar dengan pelbagai aktiviti. MPTQr juga sesuai digunakan kerana ia mampu untuk digunakan dalam semua bidang di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam tidak tertumpu ke tilawah al-Quran sahaja. Kebolehgunaan MPTQr dipaparkan seperti Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Kebolehgunaan MPTQr

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan tahap keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza (MPTQr) dalam pengajaran tilawah al-Quran berada pada tahap yang tinggi. Sehubungan dengan itu, ia menunjukkan model ini perlu dibangunkan bagi membantu guru Pendidikan Islam untuk mengaplikasikan Pedagogi Terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Hal ini jelas dengan kajian Ahmad Tamizi Abu dan Rabiatal Adawiah Ahmad Rashid (2020) yang menyatakan guru-guru Pendidikan Islam perlu membangunkan kaedah atau modul bagi membantu murid-murid sekolah rendah menguasai bacaan al-Quran. Ini menunjukkan betapa pentingnya modul atau model dibangunkan bagi membantu murid meningkatkan bacaan al-Quran mereka. Selain dari itu, MPTQr juga perlu dibangunkan bagi membantu guru-guru memahami bagaimana untuk mengaplikasikan pendekatan Pedagogi Terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Pernyataan ini jelas apabila kajian Daniel Arif Abdul Muttalip (2020) yang mendapati masih terdapat guru yang kurang jelas tentang pendekatan Pedagogi Terbeza.

Selain daripada dapatan tahap keperluan pembangunan MPTQr berada pada tahap yang tinggi, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa MPTQr boleh digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Antara contoh kebolehgunaan MPTQr ialah model ini sesuai digunakan kepada semua tahap pembelajaran murid sama ada murid yang berada pada tahap 1 yang melibatkan darjah 1 hingga 3, bahkan murid yang berada pada

tahap dua iaitu murid dajjah 4 hingga 6. Dapatan jelas diakui oleh dapatan Bondie et al. (2019) yang menjalankan kajian Pedagogi Terbeza di sekolah rendah. Daniel Arif Abdul Muttalip (2020) juga menjalankan kajian Pedagogi Terbeza di sekolah rendah. Maka kedua-dua kajian ini memberi gambaran bahawa pendekatan pengajaran Pedagogi Terbeza sesuai dilaksanakan di mana-mana tahap pembelajaran murid.

Dapatan kajian juga menunjukkan MPTQr boleh digunakan memandangkan elemen-elemen di dalam model ini sangat meraikan kepelbagaian murid di bilik darjah. Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2018 juga telah membuktikan bahawa rintis Pedagogi Terbeza yang dilaksanakan oleh Bahasa Melayu telah berjaya diaplikasikan di sekolah-sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Selain daripada laporan Kementerian Pendidikan Malaysia, dapatan kajian Kartika Eka Pertiwi (2021) juga menyatakan bahawa pendekatan pengajaran Pedagogi Terbeza amat meraikan kepelbagaian murid yang belajar bersama-sama di bilik darjah yang sama.

MPTQr juga boleh digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat memberi impak yang positif kepada murid yang berada di dalam bilik darjah. Impak yang positif berdasarkan dapatan kajian ialah murid berasa seronok dengan aktiviti pengajaran guru yang pelbagai. Aktiviti pengajaran yang pelbagai juga telah memberi kesan dengan murid terlibat secara aktif di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Muhammad Faez Nurazman Amrullah et al. (2022) yang mendapati murid-murid kelihatan seronok dengan pengajaran guru yang menggunakan pendekatan Pedagogi Terbeza. Dapatan kajian Fairuz Adlidna Badrol Hissam et al. (2017) juga menunjukkan pengajaran menggunakan Pedagogi Terbeza memberi impak yang positif iaitu pelajar pintar berbakat sangat bermotivasi ketika belajar mata pelajaran Biologi.

Kebolegunaan MPTQr bukan sahaja berfokus kepada penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran, bahkan sifat MPTQr juga bersifat menyeluruh. Ini menunjukkan MPTQr bukan sahaja boleh digunakan dalam bidang tilawah al-Quran sahaja bahkan boleh juga digunakan di dalam bidang-bidang yang lain seperti bidang Ulum Syariah dan Jawi. Dengan elemen yang menyeluruh juga, MPTQr berupaya digunakan sebagai panduan di dalam mata pelajaran yang lain. Hal ini selari dengan dapatan kajian Alsalhi et al. (2021) yang telah menjalankan kajian menggunakan pendekatan pengajaran Pedagogi Terbeza bagi mata pelajaran Sains dan terbukti pencapaian murid dalam mata pelajaran tersebut telah meningkat.

Tuntas daripada perbincangan ini menunjukkan terdapat keperluan pembangunan MPTQr yang tinggi dan hasil pembangunan model ini telah menunjukkan bahawa ia berupaya diguna pakai sebagai panduan guna untuk mengaplikasikan Pedagogi Terbeza dengan cara yang terbaik.

KESIMPULAN

Keseluruhan kajian menunjukkan terdapat keperluan pembangunan Model Pedagogi Terbeza (MPTQr) dan hasil dapatan juga menunjukkan bahawa MPTQr ini berupaya diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, kajian ini amat bermakna dan memberi kesan yang besar kepada guru di mana ia membantu guru mempelbagaikan aktiviti pengajaran. Selain itu, kajian ini mampu memberi sumbangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah di mana model yang dibangunkan mampu dijadikan *guideline* bagi Pedagogi Terbeza dan boleh disebar luas. Seterusnya, ia dapat membantu murid-murid dalam mengikuti pembelajaran yang menggunakan kepelbagaian metodologi pengajaran di bilik darjah.

IMPLIKASI

Kajian ini dapat memberi impak kepada guru Pendidikan Islam dan juga guru bagi mata pelajaran yang lain untuk menjadikan MPTQr sebagai panduan dalam melaksanakan Pedagogi Terbeza dengan jayanya. Kajian ini juga mampu memberi nilai tambah bahawa MPTQr adalah model yang sempurna kerana ia mengandungi elemen-elemen Islam dan juga elemen-elemen Barat. Impak yang besar dalam kajian ini ialah pengkaji mendapat pengesahan daripada guru Pendidikan Islam bahawa MPTQr boleh diguna pakai dalam pengajaran di sekolah rendah. Hal ini memberi peluang kepada pengkaji untuk menyebarkan penggunaan model ini kepada semua guru dan kepada guru pelatih di IPG.

Kajian Akan Datang

Berdasarkan kajian ini, pengkaji yakin tentang keperluan kajian akan datang yang berkaitan dengan Model Pedagogi Terbeza (MPTQr). Pengkaji akan datang disarankan membangunkan modul Pedagogi Terbeza untuk guru dan murid. Pelbagai metodologi kajian yang boleh digunakan dalam membangunkan modul tersebut. Antara contoh metodologi yang boleh digunakan dalam membangunkan modul ialah dengan menggunakan pendekatan *Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR)*.

Pengakuan

Semasa kajian ini dijalankan, pengkaji mendapat tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Pengkaji mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menaja kajian ini dan guru Pendidikan Islam kerana sudi menjadi peserta kajian ini.

RUJUKAN

- Abd. Khahar bin Saprani, Hapsah binti Majid, Zanariah binti Ibrahim, & Lokman bin Abd Wahid. (2018). Pedagogi Terbeza : Keadilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 11, 1–17.
- Ahmad Tamizi Abu, & Rabiatul Adawiah Ahmad Rashid. (2020). Analisis keperluan terhadap pembinaan Modul al-Alaq-IQ (MpaA-IQ) bagi meningkatkan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran Tahun Satu. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*, 1(1), 13. <https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/146>
- Alsahhi, N. R., Abdelrahman, R., Abdelkader, A. F. I., Ahmad Al-Yatim, S. S., Habboush, M., & Qawasmi, A. Al. (2021). Impact of using the Differentiated Instruction (DI) strategy on student achievement in an intermediate stage Science course. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 16(11), 25–45. <https://doi.org/10.3991/ijet.v16i11.22303>
- Azlin Norhaini Mansor, Prem Prethaban Maniam, Michael C. Hunt, & Mohamed Yusoff Mohd Nor. (2016). Benefits and disadvantages of streaming practices to accommodate students by ability. *Creative Education*, 07(17), 2547–2558. <https://doi.org/10.4236/ce.2016.717241>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bondie, R. S., Dahnke, C., & Zusho, A. (2019). How does changing “one-size-fits-all” to Differentiated Instruction affect teaching? *Review of Research in Education*, 43(1), 336–362. <https://doi.org/10.3102/0091732X18821130>
- Cox, M., & Shulman, L. S. (1986). Those who understand: A conception of teacher knowledge. *American Educator*, 10(1), 4–14. <http://www.eric.ed.gov/ERICWebPortal/recordDetail?accno=EJ333816%5Cnpapers3://publication/uid/E77F7FFC-98B3-40B5-90D2-50050B024672>
- Daniel Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(November), 29–42. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/234>
- Fairuz Adlidna Badrol Hissam, Mohd Hasrul Kamarulzaman, Nurul Suzaina Joli, & Noriah Mohd Ishak. (2017). Impak Pengajaran Terbeza ke atas motivasi pelajar pintar dan berbakat di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Biologi. *E-Proceeding of the 6Th Global Summit on Education 2017*, 2017(December), 174–185. <https://worldconferences.net>
- Gardner, H. (1993). *Multiple intelligences: The theory in Practice*. Basic Book: A Division of HarperCollins Publishers, Inc.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2018). Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian (Edisi kedua). Universiti Malaya.
- Habibah@Artini Ramlie. (2017). *Pembangunan model profesionalisme guru Pendidikan Islam berasaskan “Riadhah Ruhyyah.”* Universiti Malaya.
- Hall, T. (2002). *Differentiated Instruction: Effective classroom practices report*. National Center on Accessing the General Curriculum, US Office of Special Education Programs.

- Kartika Eka Pertiwi. (2021). Efektivitas pendekatan Differentiated Instruction dalam proses pembelajaran. *Jurnal Ilmu Agama Islam*, 21–34. <http://journal.uml.ac.id/TL>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. In Kementerian Pendidikan Malaysia (Vol. 27, Issue 1). <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018a). *Info media, menjana maklumat pendidikan (Issue 06)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). *Laporan tahunan 2018: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia, 1–96.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil 1 Tahun 2021: Pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pemerksaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Mulai tahun 2021 (KPM.100-1/3/2 Jld.3 (84); pp. 1–3)*. Kementerian Pendidikan Malaysia. [http://lp.moe.gov.my/images/bahan/suratsiaran/2021/KPM.100-1.3.2 Jld.3 \(84\).pdf](http://lp.moe.gov.my/images/bahan/suratsiaran/2021/KPM.100-1.3.2 Jld.3 (84).pdf)
- Khuzaimah Zaim, Mohamed Yusoff Mohd Nor, & Shahlan Surat. (2019). Tahap kompetensi guru (pdpc) SKPMG2 dan tahap kemenjadian murid. *Proceeding: 3rd International Conference on Islamic, Education and Law (ICIEL, 2019)*, 1–11.
- Mengistie, S. M. (2020). Primary school teachers' knowledge, attitude and practice of Differentiated Instruction: The case of in- service teacher-trainees of Debre Markos College of teacher education, West Gojjam Zone, Amhara Region, Ethiopia. *International Journal of Curriculum and Instruction*, 12(1), 98–114. ijci.wcci-international.org
- Mohammad Syafiq Ismail. (2020). *Adab para guru (Ed. Ketiga)*. ABIM.
- Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, & Zamri Mahamod. (2022). *Pembangunan Modul Pengajaran simpulan Bahasa: Analisis keperluan guru*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(02), 82–93. <https://spaj.ukm.my/jpbm>
- Norma Jusoh, & Mohd Isa Hamzah. (2020). *Kemahiran guru pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid: Satu analisa*. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1–26. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/ijeap>
- Normazidah Mahmood. (2012). *Penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah: satu penilaian*. Universiti Malaya.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory (3rd Edit.)*. McGraw Hill.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). *Pedagogi Terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 202–214. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.997>